

18 JUL 1998

Lim-Langkah

KERAJAAN DIGESA PERTINGKAT LANGKAH POSITIF BANTU ORANG RAMAI

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Parti Gerakan hari ini mengesa kerajaan mengambil lebih banyak langkah positif termasuk membekukan sebarang kenaikan kadar bayaran projek yang diswastakan bagi membantu orang ramai yang kini menghadapi masalah ekoran kegawatan ekonomi.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, walaupun kerajaan telah mengambil banyak langkah dan melaksanakan pelbagai program untuk membantu orang ramai dan perniagaan, tetapi lebih banyak langkah lagi diperlukan.

"Semasa kita sedang berusaha menyelamatkan ekonomi, kita tidak mahu memberi gambaran bahawa orang ramai dilupakan. Mereka, terutama orang biasa mungkin mempunyai anggapan yang salah. Sehubungan itu kita perlu memastikan bahawa mereka tidak diabaikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti itu di Wisma PGRM di sini.

Dr Lim berkata terdapat kemungkinan bahawa kadar bayaran utiliti awam yang diswasta akan dinaikkan, yang akan menambahkan lagi beban kepada orang ramai dan secara tidak langsung menyumbang kepada inflasi.

"Saya fikir ini adalah masanya untuk membekukan sebarang kenaikan kadar bayaran caj utiliti awam sama ada elektrik, air, jalan raya, pembetulan, pelupusan sampah atau jalan keretapi. Bayaran itu boleh menyebabkan inflasi dan kesulitan kepada orang biasa," katanya.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata bahawa kerajaan juga perlu menambah peruntukan bagi penjagaan kesihatan awam kerana lebih banyak orang akan mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan berikutan kegawatan ekonomi.

Gerakan juga mahu kerajaan memikirkan satu bentuk subsidi bagi memastikan barangan keperluan asas mampu bagi semua orang dan juga perlu kerap membuat pemeriksaan bagi memastikan harga barangan terbabit tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Mengenai pendidikan, beliau berkata kerajaan perlu memastikan semua pelajar yang mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta diberikan pinjaman untuk meneruskan pengajian kerana yuran yang tinggi terutama di institusi pendidikan awam swasta.

Dr Lim berkata kerajaan juga perlu memastikan orang ramai terutama orang biasa yang mahu membeli rumah dan kereta diberikan kemudahan kredit.

Gerakan turut mengesa sektor awam dan kakitangannya menyahut seruan kerajaan supaya mengurangkan karenah birokrasi bagi memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan lebih cepat.

"Kami memberi sokongan penuh terhadap keseluruhan langkah dan nasihat yang diberikan Perdana Menteri mengenai perkara ini," katanya yang merujuk kepada arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas kepada semua Kementerian dan Kerajaan Negeri supaya mengurangkan karenah birokrasi dalam meluluskan projek yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Menyentuh mengenai tindakan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang mengkritik media kerana melaporkan mengenai krisis dalaman parti itu, Dr Lim berkata: "sekali lagi menunjukkan bahawa dia tidak boleh menerima kritikan".

"Sikapnya terhadap media merupakan contoh bahawa terdapat "double standard" katanya dan Lim serta partinya tidak berminat dengan keadaan ekonomi negara tetapi lebih mementingkan dirinya.

-- BERNAMA

RV RHM PR

